

65
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN NO.29

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana kerjasama Kementerian bersama-sama dengan agensi berkaitan dalam usaha mencungkil bakat baru sebagai pelapis atlet negara terutamanya kanak-kanak di kawasan pedalaman yang berpotensi namun kurang mendapat peluang.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Sukan Negara telah dan sedang melaksanakan program-program yang mampu menjadi platform dalam mencungkil bakat baru dalam sukan termasuk di Sabah dan Sarawak. Program Pembangunan Bakat Akar Umbi Kebangsaan (MyTID) dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Jalinan kerjasama ini memperluaskan tapak pencarian bakat dengan menyaring bakat di peringkat akar umbi menggunakan kaedah saintifik dan teknologi.
2. Pada tahun 2015, sebanyak 1,227 buah sekolah dari 151 daerah yang meliputi 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan telah terlibat dengan program MyTID dengan menyaring bakat seramai 104,956 murid. Program ini telah dijalankan secara menyeluruh termasuk sekolah-sekolah di kawasan pedalaman tidak sekadar berpusat mengikut lingkungan geografi tetapi adalah secara menyeluruh sama ada di bandar mahupun di luar bandar.
3. Selain itu, pelaksanaan program *Talent Outreach* juga bertujuan memperluaskan penglibatan bakat dalam sukan yang tidak berpeluang dengan kerjasama jurulatih bertauliah di kawasan terpilih. Sebanyak 10 pusat latihan sedia ada dan 5 lagi pusat latihan akan dibuka mengikut zon di kawasan luar bandar bagi tujuan berkenaan.

67

SULIT

4. Kementerian Belia dan Sukan juga turut menjalankan Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) di bawah Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memupuk bakat baru serta melahirkan pemain yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa dengan penelitian dalam kaedah latihan dan penggunaan sains sukan dalam bola sepak.

Sekian, terima kasih.